

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jumlah jawatan atasan (JUSA C ke atas) di perkhidmatan awam dan apakah angka pecahan dari segi bangsa dan negeri asal yang menjawat jawatan itu

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data daripada Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sehingga 20 Oktober 2020, jumlah pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Jusa C dan ke atas) terdiri dari pelbagai skim-skim perkhidmatan adalah seramai 4,125 orang.

Peratus bilangan pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi **berbanding jumlah penjawat awam mengikut pecahan kaum masing-masing** ialah Melayu **0.34%**, Cina **0.56%**, India **0.52%**, Bumiputera Sabah **0.07%**, Bumiputera Sarawak **0.10%**, Orang Asli **0.13%** dan lain-lain **0.49%**.

Manakala dari segi negeri asal, Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi kelahiran negeri Perak merupakan bilangan yang tertinggi iaitu seramai 555 orang, diikuti negeri Johor seramai 508 orang, Kelantan seramai 446 orang, Selangor seramai 391 orang, Kedah seramai 326 orang, Pulau Pinang seramai 262 orang, Negeri Sembilan seramai 255 orang, Terengganu seramai 238 orang, W.P Kuala Lumpur seramai 224 orang, Melaka seramai 222 orang, Pahang seramai 211 orang, Sarawak seramai 181 orang, Sabah seramai 123 orang, Perlis seramai 62 orang, W.P. Labuan seramai 29 dan lain-lain tempat kelahiran seperti di luar negara seramai 92 orang.

Sekian, terima kasih.